



PERWATAKAN DALAM NOVEL KOMSAS “DI SEBALIK DINARA”: ANALISIS TEORI RELEVAN

(Characteristic in Novel “Di Sebalik Dinara”: A Relevan Theory Analysis)

Srikandi Saemah Samaon^{1*}, Mary Fatimah Subet¹

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: srisintok@yahoo.com

Received: 28 Febuary 2020 • Accepted: 12 April 2020 • Published: 30 April 2020

Abstract

Elements of Malay Literature in the Malay Language (ML) was introduced in the learning of Malay Language in secondary schools. There are five main genres in the (ML) study which are traditional poetry, modern poetry, traditional prose, modern prose and novel. Novel is one of the (ML) genres featuring a variety of characters, questionnaire, community culture, values and teaching. Throughout reading the novel, the reader can understand various situations that can give the reader a variety of insights that can enhance the reader's awareness. This study will analyze the characteristics in Di Sebalik Dinara's by Dayang Nor. This study is a qualitative study which is a text analysis. In analyzing this novel the researcher will apply the Relevan Theory (TR) approach to cognitive effects and information processing efforts to help the reader understand the character's characteristics in the novel. The character traits in the novel are analyzed in TR and Bridging Cross Reference (BCR) an elaborate and implicit manner to help the reader understand the characteristic of the character in Di Sebalik Dinara. The results of the TR and RRS analysis can be concluded that the characters in this novel are illustrated one who are self-reliant, responsible, do not act hastily and always cautious in decision-making.

Keywords: *Relevan Theory, character, novel, literature*

Abstrak

Elemen Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) telah diperkenalkan dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah. Terdapat lima genre utama yang terdapat dalam kajian KOMSAS iaitu puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional, prosa moden dan novel.

Novel merupakan salah satu genre KOMSAS yang memaparkan pelbagai watak, persoalan, citra masyarakat, nilai dan pengajaran. Melalui pembacaan novel, pembaca dapat menyelami pelbagai situasi yang boleh memberi pelbagai tanggapan kepada pembaca serta dapat meningkatkan kesedaran kepada pembaca. Kajian ini menganalisis perwatakan dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Bagi menganalisis novel ini pengkaji, akan mengaplikasikan pendekatan Teori Relevan (TR) yang mementingkan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat bagi membantu pembaca memahami citra atau perwatakan watak dalam novel tersebut. Perwatakan watak yang digarapkan dalam novel tersebut akan dianalisis secara eksplikatur dan implikatur dengan menggunakan analisis TR dan Rangka Rujuk Silang (RRS) bagi memudahkan pembaca/ pelajar memahami keperibadian watak dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Hasil analisis TR dan RRS dapat disimpulkan perwatakan watak dalam novel ini digambarkan sebagai seorang yang berdikari, bertanggungjawab, tidak bertindak terburu-buru dan sentiasa berhati-hati dalam membuat keputusan.

Kata kunci: Teori Relevan, perwatakan, novel, kesusasteraan

Cite as: Samaon, S. S., Subet, M. F. (2020). Analisis perwatakan dalam novel komsas “Di Sebalik Dinara”: Analisis Teori Relevan. *Asian People Journal*, 3(1), 84-100.

PENGENALAN

Pembelajaran Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) dalam Bahasa Melayu mula diajar di semua sekolah menengah bermula tahun 2000. Sasaran pelajar yang mempelajari KOMSAS bermula dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Rasionalnya memasukkan elemen KOMSAS dalam pembelajaran Bahasa Melayu adalah untuk menyerap nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia, menerusi Pusat Perkembangan Kurikulum 2003, telah memasukkan 16 nilai murni yang perlu diterapkan semasa pembelajaran KOMSAS. Menerusi pembelajaran KOMSAS, Kadir (2007) menyatakan murid berpeluang untuk membina nilai-nilai murni dan pembinaan sahsiah yang mulia.

Melalui pembacaan karya sastera murid dapat menghayati dan menyelami perasaan insan lain secara kreatif dan kritis seperti yang digambarkan dalam karya yang dibacanya, apatah lagi apabila bentuk, isi dan mesejnya berkaitan dengan perihal masyarakat dan nilai-nilai kehidupan. Dengan menyelami ujaran berkaitan watak dalam novel, pembaca dalam memahami perwatakan watak yang digarapkan dalam novel. Perkara ini dapat dikaitkan kerana melalui pembacaan novel, pembaca dapat merasai emosi yang pelbagai, sama ada sedih, gembira, teruja dan sebagainya (Salleh, Yahya, Subet dan Daud, 2020).

Novel merupakan karya naratif yang panjang dan bersifat kompleks. Novel juga merupakan kisah yang dibukukan dan dianggap sebagai sebuah karya fiksi yang mengandungi imaginasi pengarang mahupun penulis (Adenan, Kayad & Daud, 2018). Dalam sesebuah novel terdapat banyak elemen KOMSAS yang diketengahkan oleh pengarang. Antara elemen KOMSAS tersebut ialah tema, persoalan, watak dan perwatakan, latar masyarakat, latar masa, latar tempat, plot, gaya bahasa, nilai dan pengajaran. Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat* (2005), novel didefinisikan sebagai cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Bertepatan dengan pendapat Jamin & Fatimah

(2020), novel sarat dengan wacana kemasyarakatan yang meliputi aspek sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama dalam kehidupan masyarakat.

Menurut *Kamus Dewan Bahasa* (2005), perwatakan bermaksud watak seseorang secara keseluruhannya, pembentukan watak, penggambaran dan pemaparan watak. Secara luasnya perwatakan ini juga bererti citra yang bermaksud gambar, lukisan, arca, gambaran atau imej peribadi seseorang, barangan, organisasi dan lain-lain. Antara kajian yang menyentuh gambaran atau citra watak ialah kajian Nor Hashimah & Norsimah (2005) yang menyatakan watak-watak wanita sebagai 'kuat', cecal bertarung di mahkamah syariah, membawa diri meninggalkan suami dengan terus menyambung pelajaran bersama anak yang masih kecil, berani berdepan dengan masalah dan sebagainya. Nor Hashimah & Norsimah (2006), menjelaskan golongan wanita menjadi golongan yang berdikari dan berpelajaran tinggi. Menurut Syed Adam (1996), watak lelaki Melayu adalah lelaki yang mempunyai ciri tanggungjawab, memahami dan pandai menyesuaikan diri.

Teori Relevan (TR) merupakan salah satu teori dalam bidang ilmu pragmatik yang mengkaji bidang bahasa dan penggunaannya. Chomsky (1980), telah memperkenalkan istilah kecekapan pragmatik yang merujuk kepada pengetahuan bagaimana bahasa digunakan mengikut konteks yang bersesuaian. Kecekapan pragmatik meletakkan bahasa dalam persekitaran penggunaannya. Secara asasnya, TR merupakan suatu andaian yang dibuat oleh pendengar atau penerima maklumat berkaitan sesuatu konteks bagi menimbulkan maksud. Hal ini menjelaskan TR yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1986) berdasarkan idea bahawa komunikasi bergantung pada kognitif. Keberlangsungan komunikasi berjalan seiring dengan bagaimana prinsip relevansi ini dimanfaatkan.

Komponen kognitif dari teori relevansi merupakan proses kognisi untuk mendapatkan informasi yang relevan. Yang dimaksudkan dengan informasi yang relevan, ialah informasi yang memiliki efek kontekstual terhadap tuturan dalam makna bahasa. Hal ini kerana bahasa sangat kaya dengan makna, tetapi menurut teori pragmatik, setiap penggunaan bahasa tidak berhenti pada makna melainkan berlanjutan pada munculnya maksud.

Dalam membicarakan TR, Nor Hashimah (2003) menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses.

i. Konteks

Nor Hashimah (2003) dalam Fatimah (2010), menjelaskan konteks dalam TR merupakan adanya kewujudan seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks boleh wujud melalui pelbagai cara, misalnya terbina melalui pengamatan terhadap persekitaran yang melingkari kehidupan seharian, kata-kata yang telah dan baru sahaja diujarkan yang masih kekal dalam ingatan, perkara yang melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kenangan manis, pahit atau lucu, andaian tentang budaya dan kepercayaan yang ada pada penutur dan sebagainya.

ii. Kesan kognitif

Merupakan andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar itu. Menurut Nor Hashimah (2003), kesemua ini tersimpan sebagai catatan ensiklopedia. Dalam perbualan, pendengar akan menggabungkan atau memperkuat, atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penutur dengan andaian awal yang sedia ada untuk menghasilkan kesan kognitif.

iii. Usaha memproses

Merupakan usaha yang penting dalam menginterpretasikan makna ujaran. Menurut Nor Hashimah (2003), usaha memproses ini merujuk kepada usaha memproses maklumat oleh pendengar. Bagi penutur pula, usaha memproses juga penting untuk memastikan yang ujarannya boleh difahami dengan mudah oleh pendengar. Beliau menegaskan bahawa mengikut TR, semakin rendah usaha memproses maklumat, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran.

Dalam kajian ini, pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) juga digunakan untuk menganalisis data. Pendekatan RRS banyak diterapkan dalam kajian meneliti makna contohnya dalam kajian semantik inkuisitif. Banyak kajian menggunakan pendekatan RRS telah dilakukan oleh pengkaji tempatan. Antara pengkaji yang telah menggunakan RRS dalam kajian mereka seperti Ernie (2018), Daud (2018a; 2018b; 2018c; 2020), Suriati dan Nor Hashimah (2016), Subet dan Nasir (2019), Daud dan Subet (2019a; 2019b; 2019c; 2019d) serta Murthy, Subet dan Daud (2019a; 2019b; 2019c). Dalam kajian tersebut, analisis RRS digunakan untuk membuktikan kerelevanan makna sebenar data kajian.

KAJIAN LITERATUR

Sorotan literatur ini akan membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan TR. Terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan TR dalam kajian lepas yang membincangkan perihal prosa moden, prosa klasik filem dan bahasa. Antara pengkaji lepas yang menjalankan kajian berasaskan TR di Malaysia seperti Fatimah (2010, 2012), Nor Hashimah, Fatimah & Dayang (2011), Wong (2013, 2014) dan Suriati & Nor Hashimah (2016), Ernie (2018), Daud (2018), Subet dan Nasir (2019). Manakala, antara pengkaji luar negara yang mengaplikasikan TR kajian dalam kajian mereka antaranya kajian Azzahra, Ferina & Riza (2016) dan Ajeng (2012).

Kajian Fatimah (2010) Interpretasi Makna Bahasa Figuratif Sebagai Cerminan Emosi: Satu Analisis Teori Relevans membuktikan aplikasi TR dapat menganalisis makna-makna tersirat dalam bahasa figuratif (BF). Menerusi kajian ini, beliau menggunakan 25 sampel data BF yang dianalisis menggunakan TR. Dapatan kajian ini membuktikan BF sememangnya mempunyai dua makna, iaitu makna eksplisit dan makna implisit. Salah satu data kajian beliau iaitu “ombak emosiku” dalam sajak “Gadis Kecil” secara harfiahnya bermaksud perasaan yang pasang surut mempunyai dua andaian berbeza. Makna andaian yang pertama iaitu “emosi yang tidak menentu” manakala makna andaian yang kedua iaitu “sedih dan sayu, malu, kagum, tabah dan berani”. Hal inilah membuktikan dengan menggunakan analisis TR, makna tersirat dalam satu-satu leksikal dapat diterokai dan difahami oleh pembaca dengan mudah.

Kajian Fatimah (2012), Teori Relevan (TR) dalam Personifikasi juga menggunakan BF. Dalam kajian ini beliau menggunakan lima baris sajak penyair agung, Usman Awang untuk sebagai data BF personifikasi. Dapatan analisis baris “Dua nisan terkapar mati” membuktikan analisis TR dapat memberikan makna implisit dan makna tersirat dalam baris sajak tersebut. “Dua nisan terkapar mati” secara harfiahnya bermaksud batu nisan telah tumbang dan lalang yang banyak dan tinggi telah menyelaputi batu nisan. Dengan menggunakan analisis TR, makna “Dua nisan terkapar mati” diterokai untuk mendapat makna tersirat. Dengan menggunakan kod “nisan” dan inferen “kematian” hasil analisis TR ini memberi seberkas andaian bagi kepada pembaca. Andaian pertama iaitu “kematian itu telah lama berlaku”, andaian kedua pula “nisan telah kabur dan susah dibaca”, andaian ketiga “nisan tidak dijaga dan dibersihkan, nisan berlumut”, andaian keempat “nisan hampir rebah/senget, nisan retak

dan andaian kelima “sudah lama tiada orang mengunjungi pusara itu”. Kajian ini membuktikan dengan seberkas andaian boleh bertindak sebagai rangsangan untuk mengetahui maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur.

Begitu juga kajian Nor Hashimah, Fatimah & Dayang (2011), Analisis Kehidupan Seorang “Pelacur Tua” Dengan Teori Relevans juga mengkaji tentang BF menggunakan analisis TR. Hasil kajian ini juga mencari makna implisit di sebalik makna eksplisit. BF yang dikaji menjurus kepada perasaan seorang pelacur dan perasaan yang dirasai oleh masyarakat umum terhadap pelacur. Perasaan bercampur baur rasa gelisah, tidak selesa, sunyi, penat, sedih, menyesal dan sebagainya dapat dirungkaikan di sebalik rasa gembira dan mudah mendapat wang. Dengan dapatan ini, pembuktian secara lebih saintifik terhadap pelbagai perasaan itu dapat diterokai melalui analisis TR.

Kajian Wong bertajuk Keharmonian Kaum Dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevan (2013), mengkaji tentang keharmonian kaum melalui teks ucapan Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman. Kajian yang menggunakan TR ini membincangkan unsur implisit dalam menyampaikan mesej. Dengan menggunakan data kata “kota”, “racun” dan frasa “satu pasar yang besar”, pengkaji mengkaji makna implisit. Melalui kata “kota” pengkaji menjelaskan maknanya secara linguistik iaitu “ penghalang atau sesuatu yang memisahkan”. Menerusi data ini, beberapa andai telah dinyatakan oleh pengkaji. Andai pertama, “dasar pecah dan perintah”, andaian kedua “bandar besar yang dikelilingi benteng”, andaian ketiga “ menjadi penghalang kepada sesama manusia”, andaian keempat “batu-bata yang mengelilingi kediaman” dan andaian kelima “manusia”. Dengan menggunakan analisis TR, andaian yang paling relevan iaitu “dasar pecah dan perintah” dapat dibuktikan dengan penambahan maklumat dan pengembangan ayat pemula iaitu “Seperti yang kita tahu kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkan-nya kota....”. Wong (2014), melalui kajiannya Penggunaan Simbol Dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevan menggunakan teori yang sama untuk mengkaji penggunaan simbol dalam teks ucapan. Penginterpretasian makna selain makna linguistik yang diterapkan dalam TR amatlah penting untuk menentukan makna konteks yang ingin disampaikan oleh penutur. Hasil kajian menjelaskan penggunaan simbol yang menggunakan unsur konkrit seperti “ribut taufan, racun dan kota”, dapat membantu pendengar menginterpretasikan makna yang hendak disampaikan oleh Tunku.

Terdapat juga pengkaji luar negara yang mengaplikasikan TR dalam kajian mereka. Antaranya ialah kajian oleh Azzahra, Ferina & Riza (2016) dan Ajeng (2012). Kajian Azzahra, Ferina & Riza (2016), bertajuk Makna Kategori Partikel Dalam Implikatur Konvensional Di Tiga Daerah: Sebuah Kajian Teori Relevansi. Kajian ini membahas makna kategori partikel dalam implikatur konvensional bagi bahasa Jawa, bahasa Betawi dan bahasa Banjar. Hasil analisis TR, dalam kajian ini dapat disimpulkan bahawa partikel Jawa *tho*, *ik* dan *og* mempunyai 13 makna tambahan seperti berikut; iaitu, ungkapan kekesalan, ungkapan penegasan, ungkapan heran, ungkapan terkejut, ungkapan membanggakan diri, ungkapan kekaguman, ungkapan kekecewaan, ungkapan penyesalan, ungkapan ketidakpercayaan, ungkapan permintaan untuk menuruti pernyataan, ungkapan menyakinkan dan ungkapan menyalahkan. Manakala dalam bahasa Banjar, partikel *-lah*, *-ae* dan *-pang* berfungsi memberi informasi dan secara khusus dan tambahan makna si penutur dan dapat mengekspresikan perasaan penutur. Partikel *dong*, *sih*, *kok* dalam bahasa Betawi menghasilkan makna tambahan berupa ekspresi atau ungkapan perasaan penutur. Ekspresi tersebut antara lain adalah seperti berikut membanggakan diri, membujuk, menyangkal, kesedihan, kekesalan / kemarahan, ketakutan pada suatu hal, empati, penegasan dan ekspresi rasa penasaran pada sesuatu kejadian. Berdasarkan kajian ini, jelas analisis TR dapat mewujudkan kesan kognitif dan menghasilkan makna implisit sesuatu ujaran.

Kajian yang berkisar tentang cerita lipur lara melayu oleh Suriati & Nor Hashimah (2016) iaitu Konsep Ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis Semantik Inkuisitif turut menggunakan TR dan sub konsep TR iaitu Rangka Rujuk Silang (RRS). Analisis pertama data dibuat menggunakan TR dengan menekankan kognitif dan falsafah melayu. Seterusnya, analisis kedua data dianalisis menggunakan sub konsep TR iaitu RRS. Melalui pengaplikasian RRS, kesan kognitif terbentuk melalui penggabungan maklumat lama dengan maklumat baru, seterusnya menguatkan lagi konsep ruang yang luas dan besar dalam Kapal Petolo Kapal Petolai. Semakin banyak kesan kognitif, maka semakin sedikit usaha memproses maklumat yang diperlukan dan sekali gus memudahkan pembaca dan pendengar menginterpretasikan makna dengan tepat.

Kajian Ernie (2018), Analisis Rangka Rujuk Silang dalam Pantang Larang Suku Kedayan di Brunei: Fokus kepada Aspek Kehamilan dan Bersalin, berupaya menentukan andaian-andaian atau konteks yang untuk mentafsir ujaran pantang larang. Secara teorinya, jika sesuatu ujaran mengandungi andaian konteks yang banyak, maka kesan konteks akan menjadi tinggi dan seterusnya kos memproses menjadi rendah. Ini seterusnya menyebabkan sesuatu ujaran itu menjadi relevan untuk pendengar. Dalam hal ini, pantang larang dalam kategori amalan kesihatan mampu dikenal pasti andaian-andaian implikatur atau andaian rujukannya dengan berdasarkan anteseden ataupun maklumat konteks budaya yang terdapat pada pendengar. Contohnya, kajian ini menganalisis pantang larang ibu bersalin agar jangan minum air sejuk. Berdasarkan data kajian “Jaan minum aing sejuk. Bagi kambuh dan menggeletar badan” membawa maksud larangan kepada ibu bersalin agar tidak minum air sejuk. Dengan menggunakan analisis RRS, pantang larang ini melarang ibu yang bersalin (terutamanya semasa berpantang) agar jangan minum air sejuk. Jika melanggar pantang larang ini, dia akan mengalami *kambuh* (jatuh sakit yang teruk), kesejukan malah mengakibatkan saluran peranakan kembang dan lambat sembuh. Apabila dilihat daripada sudut makna linguistik, didapati makna dengan konteks ujaran pantang larang ini adalah bertepatan dan kurang unsur kata implisit (tersirat). Pantang larang ini jelas menunjukkan hubungan antara *air sejuk* dengan kesannya terhadap badan, iaitu bergigil dan sebagainya. Namun demikian, hubungan antara *minuman sejuk* dengan *kambuh* tetap memerlukan tafsiran pragmatiknya. Rangka rujuk silang yang dibentuk juga bersifat nyata dan dapat dicapai daripada maklumat ensiklopedia pendengar.

Manakala Daud (2018c), yang menggunakan analisis RRS dalam kajiannya ‘Pengaplikasian Kerangka Semantik Inkuisitif Melalui Slanga’ cuba untuk mencungkil maknanya dengan mengabungkan data, teori, kognitif dan akal budi atau intelektual Melayu dalam mentafsir slanga berimplisit. Dengan aplikasi RRS, pengkaji mendapat anteseden tambahan bagi memahami konteks sebenar ujaran slanga tersebut. Contohnya, data kajian ‘N: Lee mai ambik anak kau ni. ***Paip pecah*** dah ni. Dok main sorang-sorang tadi. Aku bawa datang sini, cari kau. L: Haaa (senyum). Auntie kasi duit raya ya (sambil memujuk anaknya)’. Dengan mengaplikasikan analisis RRS, pengkaji dapat mentafsir makna sebenar slanga tersebut sehingga akal budi penutur. Dalam kajian ini, slanga ‘aku bawa datang ni’ dan ‘paip pecah’ dikolokasikan sebagai budak yang sedang menangis dibawa kepada ayahnya (tukang paip untuk diperbaik) manakala ujaran oleh L iaitu ‘auntie bagi duit raya ya’ sebagai pemujuk kepada kanak-kanak tersebut daripada terus menangis.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan kajian lepas yang telah dinyatakan, kajian TR dalam sesebuah teks bertulis amat menarik untuk dikaji. Dengan aplikasi TR dan diperkukuhkan dengan analisis RRS dapat mentafsirkan makna implisit atau makna sebenar setiap data kajian. Oleh itu, pengkaji berminat menjalankan kajian menggunakan TR dan RRS untuk mengupas perwatakan watak dalam pembelajaran KOMSAS novel Di Sebalik Dinara. Hal ini kerana, berdasarkan kajian-kajian lepas yang menggunakan analisis TR dan RRS, kebanyakan kajian menjurus kepada bahasa figuratif, simbol, peribahasa, novel, cerpen, slanga dan partikel

terbukti dapat mentafsir makna sebenar data atau ujaran dalam kajian tersebut. Namun begitu, kajian aplikasi TR dalam pembelajaran terutamanya pembelajaran KOMSAS masih kurang dilakukan.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah kualitatif iaitu kajian secara analisis dokumen atau teks. Pengkaji memilih kaedah kualitatif untuk menganalisis data kajian kerana pengkaji ingin memberi gambaran dan menjelaskan data yang terdapat dalam novel. Hal ini selaras dengan pendapat Flick (2007) iaitu “...to understand, describe and sometimes explain social phenomena ‘from the inside’ in a number of defferent ways by analyzing document (texts, images, film or music) or similar traces of experiences or interactions”. Sumber data kajian ini akan dianalisis menggunakan TR dan diperkukuhkan dengan sub konsep TR iaitu RRS. Terdapat empat buah novel yang dikaji oleh pelajar Tingkatan Empat mengikut zon-zon tertentu seperti novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib, novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Nor, novel *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin dan novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin. Namun pengkaji memilih untuk menganalisis novel Zon Sarawak iaitu novel *Di Sebalik Dinara*. Berikut merupakan sinopsisnya.

Sinopsis Novel Di Sebalik Dinara

“Farisha berkenalan dengan Aqram dalam penerbangan dari Nusa Jaya ke KLIA. Tanpa disedari, Aqram telah mengambil cawan minuman Farisha dengan tujuan untuk menguji DNA gadis itu. Jurutera keselamatan sistem itu tidak dapat memasuki rumahnya kerana Azraai (abang Farisha) telah memasang pengimbas retina pada pintu rumahnya yang disewa bersama-sama Shida. Azraai bimbang akan keselamatan adiknya. Keesokan hari, Farisha dan Rosman bertemu dengan Aqram di sebuah simposium. Aqram menawarkan sebuah projek mini kepada mereka. Beberapa hari kemudian, Farisha menyatakan persetujuannya terhadap projek itu. Aqram memperkenalkan Farisha dan Rosman kepada Dr. Maxi. Mereka berada di rumah kepunyaan Karl iaitu seorang penyelidik di Soft Lab yang banyak berjasa malah pernah menerima anugerah inovasi peringkat kebangsaan. Dr. Maxi menawarkan RM1.5 juta kepada Farisha dan Rosman untuk menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab dalam tempoh empat minggu.

Kini, Karl terlantar akibat barah dan projek Dinara di Soft Lab terhenti. Farisha dan Shida memulakan kerja di Soft Lab. Shida diminta oleh Soft Lab untuk menulis sebuah rencana manakala Farisha akan menggodam dan mengukuhkan sistem Dinara. Farisha diperlukan oleh Dr. Maxi untuk rancangan mereka manakala Shida pula ialah *physical backup* kepada Farisha. Rakan kongsi Farisha iaitu Rosman tidak dapat bersama-sama di Soft Lab kerana mengurus projek di Senawang. Pagi berikutnya, Farisha telah dipukau oleh Alia berdasarkan arahan Dr. Maxi. Dalam keadaan bawah sedar, Alia telah berkomunikasi dengan Karl yang meminta pertolongan Farisha untuk menyelamatkan Dinara. Hal ini mengundang kemarahan Alia yang menyangka Farisha menjalin hubungan dengan Karl. Ketika makan tengah hari, Shida mengungkapkan persoalan tentang Medina yang menghilangkan diri secara tiba-tiba dari Soft Lab. Pada pendapat Farisha, kehilangan Medina bukanlah persoalan yang besar.

Semasa meneliti kontrak yang diberikan oleh Soft Lab, Farisha mengalami sakit kepala secara tiba-

tiba. Rosman, Farisha dan Shida memutuskan untuk pulang ke rumah. Uncle Seng, pemilik kedai runcit di bangunan itu memberitahu mereka bahawa dia melihat dua orang yang kelihatan mencurigakan namun tiada laporan polis dibuat. Dua malam kemudian, Farisha mengunjungi Azraai dan keluarganya. Dia terkejut apabila mendapat tahu bahawa Azraai terkena serangan jantung dan hakikat bahawa dia ialah anak angkat kepada keluarga Azraai.

Keesokan pagi, Farisha pangsang di Soft Lab lalu dikejarkan ke hospital. Aqram mendapatkan Shida untuk mengetahui penyakit yang sedang dihadapi oleh Farisha namun Shida tidak tahu apa-apa mengenainya. Dr. Maxi bersedia dengan Plan B iaitu menyediakan Shida sebagai pengganti Farisha. Di rumah, Shida mencari bukti tentang penyakit Farisha tetapi tidak berjaya sebaliknya dia mengetahui rahsia Farisha yang merupakan anak angkat. Di hospital, Farid dan Amin menggunakan peranti untuk mendapatkan maklumat daripada fikiran Farisha dan berjaya. Selepas mereka beredar, Aqram pula datang dan mengukur tahap kesihatan gadis itu. Kesihatannya amat tidak memuaskan. Dr. Maxi mengarahkan Aqram, Khairul Anwar dan Alia bersedia untuk menyediakan Shida sebagai pengganti Farisha.

Keesokannya, Shida menjalani sesi bawah sedar untuk berkomunikasi dengan Karl. Dr. Maxi hanya menghentikan sesi tersebut setelah lima minit walaupun Shida menunjukkan tindak balas di luar jangkaan. Farisha pula dihubungi oleh *mummy* melalui minda bawah sedar. Di suatu tempat yang lain, Farid dan Amin kehairanan melihat Marilyn kegembiraan. Rupa-rupanya Marilyn (*mummy*) telah dapat berhubung dengan Farisha. Di Soft Lab, Shida yang kemurungan mengurungkan diri di bilik Farisha. Aqram mencuba menerobos minda Shida namun gagal.


Di hospital, Azraai memberitahu Farisha tentang ibu kandung Farisha. Setelah Farisha memaklumkan Azraai bahawa *mummy* telah menghubunginya, Azraai membawa Farisha keluar dari hospital lalu menuju ke selatan. Di Soft Lab pula, Shida berhubung dengan Karl melalui sesi bawah sedar. Karl mengarahkan supaya Farisha dibawa ke situ kerana virus yang disusup ke dalam Dinara akan diaktifkan lalu memusnahkan Dinara serta ribuan manusia. Dalam perjalanan ke Kulai, Farisha diculik oleh orang suruhan *mummy*. Karl (Shida) mendedahkan kisah silamnya. Antaranya ialah penyiksaan terhadap seorang wanita hingga cacat dan pendedahan identiti sebenar Khairul Anwar. Alia mengakui bahawa dialah wanita cacat yang diseksa oleh Karl kerana enggan meninggalkan agamanya. Medina pernah menjalani proses seperti Shida tetapi gagal. Rosman dan Azraai menuju ke Soft Lab. Keadaan di Soft Lab semakin tegang apabila Karl (Shida) menyanyikan lagu yang didendangkan setiap kali dia selesai menyeksa Alia. Aqram merayu kepada Dr. Maxi supaya mengembalikan diri Shida yang sedia kala. Marilyn berusaha mengambil hati Farisha dengan menceritakan perkara sebenar yang terjadi. Melalui telefon, Dr. Haris memberikan amaran tentang kesihatan Karl yang semakin merosot namun tidak dipedulikan oleh Dr. Maxi. Karl(Shida) berusaha untuk menghapuskan virus dalam Dinara dengan menggunakan komputer table. Kedatangan Marilyn (Medina / *mummy*) ke Soft Lab telah membongkar rahsia bahawa Marilyn (Medina / *mummy*) dan Karl ialah ibu bapa kandung Farisha. Karl (Shida) dipengsankan kerana Karl yang sebenar sedang nazak.

Semua orang bergegas ke rumah Karl. Mereka diberikan peluang untuk berjumpa dengan Karl buat kali terakhir. Karl menghembuskan nafas terakhir tepat pada pukul 7.00 malam. Wasiat terakhir Karl

ialah mayatnya dibakar, dan abunya ditabur di Selat Melaka. Upacara dijalankan di Port Dickson. Shida yang berkelakuan aneh menyebabkan Aqram berpendapat bahawa Karl masih berada dalam diri Shida. Farisha yang terkejut berlari mendapatkan Marilyn. Apabila Karl (Shida) menyatakan bahawa dia tidak sanggup meninggalkan Akeem, Aqram terus terdiam. “

(petikan PPK, 2016)

Seterusnya, berikut merupakan prosedur menganalisis data bagi kajian ini. Rajah 1 menerangkan secara susur galur mengenai proses tersebut.



Rajah 1: Prosedur menganalisis data

Prosedur menganalisis data dalam novel ini akan dilakukan seperti Rajah 1. Pada peringkat pertama, pengkaji akan memilih data berdasarkan watak-watak yang banyak memainkan peranan dalam novel tersebut. Antara watak yang akan dikaji ialah watak utama iaitu Farisha dan watak yang berkait secara langsung dengan watak utama iaitu Azraai yang merupakan abang angkat kepada Farisha. Setiap ujaran dan tindakan watak-watak ini menjadi data kajian dan akan dianalisis pada peringkat seterusnya.

Data ini kemudiannya, dianalisis secara eksplikatur bagi mendapat makna logik bagi menimbulkan kesan konteks dalam diri pembaca / pelajar. Kesan konteks yang wujud ditambah dengan pengetahuan sedia ada pembaca / pelajar akan mewujudkan kesan kognitif bagi menghasilkan pelbagai andaian implikatur. Data seterusnya akan dianalisis pula secara implikatur bagi mentafsirkan makna. Kesan kognitif yang wujud bagi setiap data dapat memberi makna implisit terhadap data yang dianalisis. Berdasarkan pengetahuan dan pengalaman, pembaca / pelajar mampu mentafsirkan makna ujaran dalam data yang dikaji.

Seterusnya, pengkaji akan membuat kesimpulan makna implikatur bagi data yang telah dianalisis bagi mendapatkan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis berdasarkan watak-watak yang telah dikaji oleh pengkaji. Daripada segi usaha memproses, berdasarkan Teori Relevan jika kesan konteks tinggi, maka secara langsung usaha memproses menjadi rendah. Jadi di sini, jika kesan konteksnya tinggi dan usaha memproses itu rendah, maka relevanlah ujaran itu. Menurut Ritos dan Daud (2020), penerapan teori yang mampan seperti TR dan RRS diperlukan supaya huraian data disokong dan mampu membentuk aturan konsepsi dan membekalkan kemudahan bagi menjelaskan fenomena yang kompleks dalam berbahasa.

HASIL KAJIAN

Pada bahagian analisis dan perbincangan kajian ini, pengkaji akan menjelaskan data perwatakan yang terdapat dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Analisis menekankan penginterpretasian makna logik dan perwatakan watak dalam novel akan dianalisis dengan lebih mendalam menggunakan TR dan diperkukuhkan dengan RRS. Data tersebut adalah seperti berikut:

Data 1: “Aku tak faham abang aku ni. Kenapa nak pasang retinal scanner pula? Dahlah dia sambungkan interkom rumah ni dengan telefon rumah dia.” Farisha berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya....

(*Di Sebalik Dinara*; ms 10)

Data 2: “Azraai tu abang kau. Dia sayang akan kau. Tentulah dia buat semua ni demi keselamatan kau.” Shida

berada di pihak Azraai nampaknya.

(*Di Sebalik Dinara*; ms 10)

Data 3: “Aku akan bincang dengan abang aku dulu tentang tawaran ini. Kau tak kisah kan, Rosman?” tanya Farisha. Sebenarnya mereka telah melantik Azraai sebagai penasihat syarikat beberapa bulan lepas atas desakan Azraai sendiri.

(*Di Sebalik Dinara*; ms 57)

Menurut TR, pembaca secara automatik sudah boleh mentafsir ujaran tersebut berasaskan kesan konteks sedia ada. Tafsiran wujud melalui ujaran terdahulu (dalam wacana yang menghasilkan ujaran itu), kedua dengan cara merujuk apa sahaja yang berlaku di sekitar manusia dan ketiga melalui catatan ensiklopedia yang terdapat dalam memori seseorang yang dapat dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran (proposisi) (Fatimah, 2010).

Dengan adanya kesan konteks sedia ada, pembaca dapat membuat pelbagai andaian melalui usaha memproses maklumat bagi mendapat kesan kognitif iaitu kesan eksplikatur dan kesan implikatur. Menurut Nor Hashimah & Norsimah (2006), ujaran berbentuk eksplikatur sangat mudah dikesan, bersifat harfiah dan tidak mengandungi maksud yang tersirat. Sementara ujaran implikatur lebih menarik dan mencabar kerana ujaran ini mempunyai makna yang tersirat dan menuntut usaha memproses yang tinggi. Usaha memproses maklumat digunakan dalam menganalisis data dalam kajian ini bagi menggambarkan makna dalam data-data berikut.

Data 1: “Aku tak faham abang aku ni. Kenapa nak pasang retinal scanner pula? Dahlah dia sambungkan interkom rumah ni dengan telefon rumah dia.” Farisha berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya....

(*Di Sebalik Dinara*; ms 10)

Makna logik : Tindakan abangnya yang telah memasang retinal scanner di rumah Farisha telah menyebabkan Farisha berasa rimas lebih-lebih lagi abangnya juga telah menghubungkan interkom rumahnya terus ke rumah abangnya.

Jadual 1: Rumusan analisis makna berdasarkan data 1

Eksplikatur	Bentuk Logik	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Makna Sebenar
Rimas	Rimas ¹ = berasa tidak enak (tidak nyaman, tidak senang) kerana panas dll Rimas ² = tidak senang hati, gelisah hati (Kamus Dewan, 2015)	1. tidak suka dikongkong 2. tidak senang hati kerana disekat pergerakannya 3. tidak selesa dikawal ketat oleh abangnya 4. tahu menjaga diri sendiri	Farisha tahu menjaga keselamatan diri tanpa kawalan ketat daripada abangnya	Seorang yang hidup berdikari

Berdasarkan Jadual 1, analisis bermula dengan menjelaskan eksplikatur iaitu leksikal ‘*rimas*’. Usaha memproses maklumat bermula dengan pemahaman makna logik. Secara umumnya leksikal ‘*rimas*’ boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang bersifat perasaan. Frasa ‘Farisha berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya...’ dibantu dengan maklumat logik atau pengetahuan umum pembaca boleh mencetuskan pelbagai andaian implikatur. Hal ini kerana, ensiklopedia logik atau pengetahuan umum mengandungi pelbagai jenis maklumat termasuk andaian lazim, informasi saintifik, kepercayaan dan kebudayaan, pemerhatian dan pengalaman peribadi seseorang (Carston, 2002). Dengan itu, wujudlah pelbagai andaian implikatur seperti berikut mengenai perwatakan dan sifat Farisha iaitu (1) tidak suka dikongkong, (2) tidak senang hati disekat pergerakannya dan (3) tidak selesa dikawal ketat oleh abangnya dan (4) tahu menjaga diri sendiri. Seperti kebanyakan remaja dalam masyarakat hari ini, mereka tidak suka dikongkong, tidak suka dikawal ketat oleh keluarga dan lebih suka hidup secara mandiri. Dengan bantuan pengetahuan umum ini, pembaca / pelajar boleh membuat kesimpulan implikatur iaitu Farisha tahu menjaga keselamatan diri tanpa kawalan ketat daripada abangnya. Pembaca / pelajar boleh mentafsir makna implisit mengikut proposisi sebenar tentang perwatakan Farisha berdasarkan Data 1 ialah Farisha merupakan seorang yang suka berdikari. Hal ini selaras dengan perkembangan daya fikir dan intelektualisme, kehendak, tingkah laku, penyesuaian dengan persekitaran dan kemasyarakatan, lebih responsif serta kematangan bertindak dan membuat pilihan (Anuar, 2001). Malah Kolhen dalam Anuar (2001) menyatakan lingkungan usia 12 hingga awal 20-an, merupakan tahap remaja zaman peralihan kanak-kanak ke alam dewasa dan remaja pada usia ini ingin mendapat kebebasan, bertanggungjawab dan berdikari.

Usaha memproses maklumat untuk makna implisit ini diperkukuhkan dengan sub konsep TR iaitu RRS. Melalui RRS, Data 1 akan dianalisis berdasarkan leksikal “*rimas*”.

“Aku tak faham lah abang aku ni. Kenapa nak pasang retinal scanner pula? Dahlah dia sambungkan interkom rumah ni dengan telefon rumah dia.” *Farisha* berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya....

Analisis RRS Data 1, telah menunjukkan perwatakan Farisha yang suka berdikari. Perkara ini dapat disokong melalui pendekatan analisis RRS berdasarkan petikan daripada novel Di Sebalik Dinara dengan adanya leksikal tambahan seperti ‘*kenapa*’, ‘*pasang*’ dan ‘*sambung*’. Berdasarkan leksikal seperti ‘*kenapa*’, ‘*pasang*’ dan

'sambung' telah memberikan kesan kognitif kepada pembaca / pelajar terutamanya apabila wujudnya frasa 'Kenapa nak pasang retinal scanner pula?' dan 'Dahlah dia sambungkan interkom' telah memberi kesinambungan untuk membantu interpretasi perwatakan yang dicari. Kehadiran leksikal 'kenapa', 'pasang' dan 'sambung' dalam frasa tersebut memudahkan usaha memproses dalam diri pembaca / pelajar. Berdasarkan TR, semakin banyak kesan kognitif yang terhasil semakin mudah usaha memproses dan semakin relevan ujaran tersebut. Dengan adanya tambahan frasa ini menggambarkan perbuatan atau tindakan melampau seseorang (abang/Azraai) untuk memastikan keselamatan seseorang adik (Farisha). Tindakan melampau ini menyebabkan adiknya tidak selesa dan rasa terkongkong atau rimas kerana adiknya (Farisha) adalah golongan remaja masa kini lebih terdedah untuk hidup berdikari.

Data 2: "Azraai tu abang kau. Dia sayang akan kau. Tentulah dia buat semua ni demi keselamatan kau." ; berada di pihak Azraai nampaknya.
(Di Sebalik Dinara; ms 10)

Makna logik : Sahabat Farisha bersetuju dengan tindakan Azraai kerana beranggapan tindakan Azraai kerana Azraai mementingkan keselamatan adiknya.

Jadual 2: Rumusan analisis makna berdasarkan data 2.

Eksplikatur	Bentuk Logik	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Makna Sebenar
Tentu	Tentu ¹ = sudah tetap, tidak berubah-ubah, pasti teratur Tentu ² = sudah tidak ragu-ragu lagi, sudah ketara (ketentuan), benar, tidak syak lagi, jelas, nyata, terang Tentu ³ = tidak boleh tidak, mesti, nescaya (Kamus Dewan, 2015)	1. abang mahukan keselamatan adiknya terjamin 2. abang menjaga kebajikan adiknya 3. abang yang memantau pergerakan adiknya	Sebagai abang memang menjadi tanggungjawab dan tugasnya untuk memastikan keselamatan adiknya terjamin	Seorang abang yang bertanggungjawab

Ujaran dalam Data 2, dan Jadual 2 merujuk kepada perwatakan seorang abang yang bertanggungjawab terhadap keselamatan seorang adik. Dengan pengetahuan yang sedia ada, pemahaman makna logik pembaca sudah dapat mentafsir tindakan seorang abang melalui leksikal 'tentu' iaitu merujuk kepada tindakan pasti dan sudah tidak ragu-ragu akan dilakukan oleh seseorang abang terhadap adiknya. Ujaran ini menghasilkan kesan kognitif kepada pembaca dan menghasilkan andaian implikatur seperti (1) abang (Azraai) yang mahu memastikan keselamatan adiknya (Farisha) terjamin, (2) abang menjaga kebajikan adiknya, (3) abang yang memantau pergerakan adiknya. Jelaslah, berdasarkan makna ujaran tersebut, pembaca / pelajar dapat membuat kesimpulan implikatur bahawa "memang menjadi tanggungjawab dan tugas seorang abang untuk memastikan menjaga keselamatan adiknya terjamin".

Dapatan ini dapat diperkukuhkan dengan analisis RRS seperti berikut:

“*Azraai* tu abang kau. Dia sayang akan kau. Tentulah dia buat semua ni demi keselamatan kau.” Shida
berada di pihak Azraai nampaknya.

Analisis RRS Data 2 menunjukkan perwatakan seorang abang yang bernama Azraai. Dengan bantuan analisis RRS, membuktikan perwatakan Azraai ialah seorang abang yang bertanggungjawab. Berdasarkan pemahaman sedia ada pembaca terhadap leksikal tambahan seperti 'tentulah', 'demi' dan 'kau' dapat memberi kesan kognitif kepada pembaca. Ujaran ini diperkukuhkan dengan wujudnya frasa 'demi keselamatan kau' dapat menghasilkan tafsiran yang hampir kepada makna sebenar oleh pembaca / pelajar terhadap proposisi tersebut iaitu sudah menjadi tanggungjawab seorang abang memastikan keselamatan adiknya terjamin. Dalam keadaan ini, pembaca / pelajar tidak memerlukan usaha memproses yang tinggi kerana kesan kognitif menjadi lebih jelas dengan tambahan frasa 'demi keselamatan kau' sudah memadai untuk membayangkan makna perwatakan yang ingin disampaikan. Secara langsung frasa 'demi keselamatan kau' menjelaskan perihal tanggungjawab seorang abang terhadap adiknya. Hal ini sinonim dengan citra masyarakat terutamanya masyarakat Melayu, iaitu seorang abang akan diamanahkan oleh keluarga untuk menjaga adik-beradik selepas kedua ibu bapa apabila ibu bapa meninggal dunia.

Data 3: “Aku akan bincang dengan abang aku dulu tentang tawaran ini. Kau tak kisah kan, Rosman?” tanya Farisha. Sebenarnya mereka telah melantik Azraai sebagai penasihat syarikat beberapa bulan lepas atas desakan Azraai sendiri.

(Di Sebalik Dinara; ms 57)

Makna logik : Farisha memberitahu Rosman bahawa dia akan berbincang dengan abangnya selaku penasihat syarikat terlebih dahulu sebelum menerima tawaran tersebut.


Jadual 3: Rumusan analisis makna berdasarkan data 3.

Eksplikatur	Bentuk Logik	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Makna Sebenar
Berbincang	Bincang / berbincang = bertukar-tukar pendapat antara satu dengan yang lain mengenai sesuatu perkara yang penting	1. berbincanglah dengan orang yang lebih berpengalaman sebelum membuat keputusan 2. berbincang untuk membuat pilihan 3. berbincang untuk mendapat persetujuan 4. berbincang supaya tidak membuat keputusan terburu-buru	Farisha tidak bersikap terburu-buru menerima tawaran tersebut	Seorang tidak terburu-buru dan sentiasa berhati-hati dalam membuat keputusan

Berdasarkan rumusan ujaran dalam Data 3, dalam Jadual 3 dapat disimpulkan perwatakan Farisha ialah dia seorang yang tidak terburu-buru dalam mengambil keputusan dan sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakannya. Dengan bantuan leksikal 'berbincang' pembaca / pelajar dengan pengetahuan logik dapat mentafsir ujaran tersebut. Secara logiknya leksikal 'berbincang' membawa maksud aktiviti bertukar-tukar pendapat antara satu dengan yang lain mengenai sesuatu perkara yang penting boleh membantu pembaca membuat tafsiran mudah ujaran tersebut. Pembaca dapat mengandaikan implikatur bahawa (1) berbincang dengan orang yang lebih berpengalaman sebelum membuat keputusan, (2) berbincang untuk membuat pilihan, (3) berbincang untuk mendapat persetujuan dan (4) berbincang supaya tidak membuat keputusan terburu-buru. Andaian ini dapat

memudahkan pembaca / pelajar membuat kesimpulan implikatur iaitu Farisha tidak terburu-buru menerima sebarang tawaran yang datang. Jelaslah makna sebenar yang ingin disampaikan berkaitan perwatakan Farisha ialah seorang yang tidak terburu-buru dan sentiasa berhati-hati sebelum mengambil keputusan.

Ujaran ini dapat dibukti dengan bantuan analisis RRS seperti berikut:

“Aku akan bincang dengan abang aku dulu tentang tawaran ini. Kau tak kisah kan, Rosman?” tanya ***Farisha***.


Dengan bantuan analisis RRS dapat dibuktikan makna sebenar berkaitan perwatakan Farisha. Pemahaman logik pembaca / pelajar terhadap leksikal ‘*bincang*’ dengan bantuan frasa tambahan “*Aku akan bincang dengan abang aku dulu*” dan ‘*sebagai penasihat syarikat*’ memudahkan lagi pembaca / pelajar membuat andaian implikatur secara umumnya iaitu perlunya sebuah perbincangan dilakukan sebelum membuat keputusan. Tambahan pula, frasa ‘*sebagai penasihat syarikat*’ menunjukkan perbincangan akan dilakukan dengan orang penting dalam syarikat iaitu penasihat yang juga boleh dianggap pemimpin syarikat. Dengan penambahan frasa-frasa ini, wujud kesan kognitif dalam diri pembaca / pelajar yang boleh yang menimbulkan andaian implikatur. Keadaan ini mengaktifkan proses berfikir pembaca / pelajar untuk mencari makna implisit di sebalik tindakan Farisha iaitu sikap Farisha yang berbincang dan mendapat nasihat daripada abangnya selaku penasihat (pemimpin) syarikat terlebih dahulu sebelum membuat keputusan. Kesan kognitif dan pengetahuan sedia ada pembaca / pelajar menyebabkan pembaca / pelajar tidak memerlukan usaha memproses yang tinggi untuk memahami makna di sebalik tindakan Farisha iaitu Farisha tidak terburu-buru untuk menerima sesuatu tawaran.

Maka dapat disimpulkan makna sebenar tentang sikap dan perwatakan Farisha ialah dia seorang yang tidak terburu-buru dan sentiasa berhati-hati dalam membuat keputusan. Keadaan ini penting kerana kerencaman hidup masyarakat hari ini yang penuh dengan muslihat demi kepentingan diri dan mengaut keuntungan semata-mata. Malah penting untuk Farisha berbincang dengan penasihat (pemimpin) untuk terus memastikan kejayaan syarikatnya. Hal ini kerana pemimpin sememangnya telah diiktiraf sebagai faktor penting yang menerajui organisasi bagi menuju wawasan, matlamat dan objektif yang ditetapkan (Mohtar, 2005). Jadi, wajarlah Farisha tidak bertindak terburu-buru sebaliknya berbincang terlebih dahulu dengan abangnya selaku penasihat syarikatnya sebelum menerima tawaran yang ditawarkan kepadanya untuk mengelakkan penipuan dan memastikan kejayaan syarikatnya walaupun harga tawaran yang ditawarkan itu sangat lumayan.

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa, setiap data yang diambil daripada Novel Di Sebalik Dinara ini telah dianalisis menggunakan analisis TR dan diperkukuhkan dengan analisis RRS untuk mendapatkan makna sebenar berkaitan perwatakan watak yang terdapat dalam novel. Tulisan ini telah membuktikan bahawa, pengaplikasian TR dan RRS dalam pembelajaran novel KOMSAS adalah relevan dan dapat memberi makna implisit kepada pembaca / pelajar. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian sarjana-sarjana lepas yang mengaplikasikan TR dan RRS dalam kajian-kajian berkaitan bahasa figuratif, peribahasa, partikel, citra lelaki, konsep ruang, penggunaan simbol dalam ucapan, kajian novel dan sajak telah membuktikan pengaplikasian TR dan RRS adalah relevan. Keadaan ini

kerana selagi ujaran itu boleh menimbulkan kesan konteks dalam konteks yang dibincangkan ujaran itu adalah relevan selaras dengan pendapat Sperber dan Wilson dalam Relevan Komunikasi dan Kognisi (1999) bahawa sesuatu andaian adalah relevan dalam konteks jika dan hanya jika ia mempunyai beberapa kesan konteks dalam konteks tersebut.

Berdasarkan hasil analisis TR dan RRS data di atas, kajian ini dapat mencapai objektifnya iaitu menerapkan TR dalam pembelajaran KOMSAS dalam menganalisis perwatakan yang terdapat dalam novel Di Sebalik Dinara. Oleh itu, pengkaji berpendapat pengaplikasian TR dan RRS ini boleh dimanfaatkan dalam pembelajaran KOMSAS di sekolah-sekolah sebagai salah satu pendekatan yang lebih menekankan ke arah kemahiran berfikir aras tinggi. Pengkaji berharap kajian seperti ini dapat diteruskan untuk menganalisis aspek-aspek penting dalam pembelajaran sastera dan KOMSAS di sekolah-sekolah bagi memudahkan pemahaman dan penghayatan pelajar dalam pembelajaran KOMSAS dan pembelajaran sastera umumnya.

RUJUKAN

- Adenan, K. M., Kayad, F. G., & Daud, M. Z. (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera Indie: Karya Anwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106-121.
- Carston, R. (2002). *Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication*. John Wiley & Sons.
- Chomsky, N. (1980). *Rules and Representations*. Columbia University Press.
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESA MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.
- Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*. (Tesis sarjana). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik": Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019c). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Daud, M., & Subet, M. F. (2019d). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.
- Daud, M. Z., & Wahid, M. S. N. A. (2019). Persembahan hadrah di Sarawak: Pendekatan etnografi komunikasi. *Sains Humanika*, 11(2).
- Egeng, A., Dewi, F., & Sukma, R. (2016). *Makna kategori partikel dalam implikatur konvensional di tiga daerah: sebuah kajian teori relevansi*. International Seminar on Language Maintenance and Shift (LAMAS) 6.
- Flick, U. (2008). *Designing Qualitative Research*. SAGE.

- Jalaluddin, N.H & Mat Awal, M.A. (2005). *WOMEN and manifestation of 'KUAT/STRONG' in popular novels: A cognitive semantics analysis*. Prosiding SoLLs '05. Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Bangi, UKM.
- Jalaluddin, N.H & Mat Awal, M.A. (2006). Citra lelaki dulu dan kini dalam prosa melayu: analisis teori relevans. *Jurnal Bangi*, 1(1), 1-20.
- Jalaluddin, N.H. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Jalaluddin, N. H. (Trans.). (1999). *Relevans: komunikasi & kognisi* (1st ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Jamin, A., & Subet, M. F. (2020). Wacana kemasyarakatan dalam karya-karya Indie di Malaysia. *Sains Humanika*, 12(1), 1-10.
- Kadir, N. H. (2007). Kewajaran pengajaran komsas dalam bahasa melayu. *Jurnal Peradaban Melayu, Jilid 5*. urnalperadabanipm.blogspot.com/2008/08/jurnal-peradaban-melayu_04.html
- Kamus Dewan Bahasa* (4th ed.). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kartika, A. (2012). *Analisis pragmatik teks humor politik pada situs www.ketawa.com*. International Seminar "Language Maintenance and Shift II".
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019a). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 73-80.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019b). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)*, 3(2), 117-129.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019c). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*, 7(2).
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian sukatan pelajaran tingkatan 5, bahasa melayu, kurikulum bersepadu sekolah menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2016). *Buku panduan pembelajaran komsas*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ritos, S., Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayah, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., Daud, M. Z. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3(1), 45-63.
- Subet, M. F. (2010). *Interpretasi makna bahasa figuratif sebagai cerminan emosi: satu analisis teori relevans* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Subet, M. F. (2012). Teori relevans dalam personifikasi. In F. M. Sultan, N. M. Awal, & H. Radzi (Eds.), *Pemantapan dan pembinaan ilmu linguistik berasaskan korpus* (pp. 207-223). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29-49.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2017). *Semantik dan makna konotasi dalam slanga pelacur*. Kertas kerja ini dibentangkan semasa The International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel), Malaysia.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2016). "Giler" atau "Gile": Slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306.
- Subet, M. F., & Jalaluddin, N. H. (2011, December). *Analisis kehidupan seorang "pelacur tua" dengan teori relevans* [Paper presentation].

- Subet, M. F., Jalaluddin, N. H., & Suhai, D. S. (2011, December). *Analisis kehidupan seorang "pelacur tua" dengan teori relevans* [Paper presentation]. Persidangan Linguistik ASEAN V, Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Subet, M. F., & Nasir, M. R.M. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Sulaiman, N. A. (2014). *Di sebalik dinara* (1st ed.). Kementerian Pendidikan Malaysia, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., UTM Press.
- Sultan, F. M., Awal, N. M., & Radzi, H. (2012). *Pemantapan dan pembinaan ilmu linguistik berasaskan korpus*, 207-223.
- Wahid, M. S. N. A., & Daud, M. Z. (2018). Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 11-21.
- Wong, S. H. (2014). Penggunaan simbol dalam teks ucapan Tunku Abdul Rahman: analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 60-92.
- Wong, S. H. (2013). Keharmonian kaum dalam ucapan Tunku Abdul Rahman: analisis teori relevans. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 11, 1-17.
- Zakaria, S., & Jalaluddin, N. H. (2016). Konsep ruang dalam anggun cik tunggal: analisis semantik inkuisitif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(3), 187-204.